

19 NOV 1999

Calon-Ketua Menteri

KETUA MENTERI MELAKA TIDAK TERKEJUT PINDAH KE PARLIMEN

MELAKA, 19 Nov (Bernama) -- Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Abu Zahar Isnin berkata beliau tidak terperanjat apabila ditukarkan untuk bertanding kerusi parlimen pada pilihan raya umum ke-10, 29 Nov ini dan menyerahkan kepada pucuk pimpinan untuk menentukan bakal penggantinya.

Pertukaran beliau daripada mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) ke parlimen itu mengesahkan spekulasi sebelum ini bahawa Melaka bakal mendapat Ketua Menteri baru jika Barisan Nasional (BN) mendapat semula mandat pada pilihan raya ini.

Spekulasi bahawa Abu Zahar adalah antara pemimpin negeri yang akan berpindah bertiup kencang sejak minggu lepas.

Ketika ditemui pemberita Sabtu lepas, Abu Zahar ketika mengulas spekulasi itu berkata penentuan bagi calon-calon yang bertanding adalah hak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden Umno.

"Saya akan terima arahan bertanding di mana-mana. Bagaimanapun, saya lebih bersetuju untuk terus duduk di kerusi negeri kerana masih banyak tugas yang perlu diluluskan," kata beliau ketika itu.

Semasa mengumumkan senarai pencalonan BN Melaka hari ini, Abu Zahar berkata sebagai ahli parti, perkara seperti itu (pertukaran kerusi) adalah perkara biasa.

"Saya tidak terperanjat apabila diletakkan di parlimen...ini peluang kepada saya menimba pengalaman di peringkat nasional sebelum saya bersara," katanya.

Beliau yang kelihatan ceria pada sidang media bagi mengumumkan senarai calon BN negeri berkata beliau mengalu-alukan pertukaran ke parlimen kerana ia menggambarkan kepercayaan Dr Mahathir kepadanya.

"Saya telah lalui pengalaman sebagai speaker, anggota exco dan ketua menteri," katanya.

Beliau menjawat jawatan Ketua Menteri pada Mei 1997 selepas kematian Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani.

Mengenai bakal penggantinya, Abu Zahar berkata; "Saya tidak tahu siapa Ketua Menteri baru tetapi saya tahu beliau ialah kawan rapat saya."

Kalangan pemimpin Umno negeri berpendapat pertukaran Abu Zahar ke parlimen sebagai "kenaikan pangkat" kerana besar kemungkinan selepas pilihan raya umum kali ini, Melaka bakal mendapat seorang menteri penuh.

Mereka bagaimanapun didapati berbelah-bagi apabila diminta pendapat mengenai calon yang bakal mengganti tempat Abu Zahar, walaupun secara sulit, nama Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Wira Mohd Ali Rustam menjadi sebutan ramai.

Mohd Ali tidak akan mempertahankan kerusi parlimen Batu Berendam dan akan bertanding DUN Paya Rumpit.

Ketika ditemui pemberita, Mohd Ali enggan mengulas dan berkata kedudukan itu hanya ditentukan oleh Dr Mahathir.

"Yang penting kita menang pilihan raya dulu...banyak lagi kerja yang perlu dilakukan," katanya.

Mohd Ali, yang juga Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno negeri, pernah menjawat jawatan exco kerajaan negeri sebelum pilihan raya 1995.

Sementara, dua lagi nama yang turut disebut berpeluang menggantikan Abu Zahar ialah anggota Exco kerajaan negeri Datuk Ahmad Hamzah dan Datuk Ibrahim Durum.

-- BERNAMA

TM AKD

